



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 JULAI 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

The Star

- Tip-offs on dirty eateries in Ampang Jaya pour in from readers 04

Utusan Malaysia

- Tandas jadi rumah hantu 22

Kosmo

- Permit import sisa plastic dibeku serta-merta 01-03



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 JULAI 2018 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Tip-offs on dirty eateries in Ampang Jaya pour in from readers
Muka Surat	04

Tip-offs on dirty eateries in Ampang Jaya pour in from readers

By **SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

THERE are hoards of people who eat at the *nasi lemak* and satay stalls along Jalan Kerja Air Lama 1 in Ampang, despite the many hygiene violations by its operators.

Based on many tip-offs from *StarMetro* readers who responded to the Metro Hygiene Campaign last month, we noticed the stalls have continued to operate in dirty kitchens and in a haphazard manner.

A check behind the stalls showed that there were no grease traps and food waste was discarded into the backlane drains.

Pots and pans were being washed near a drain and none of the food handlers wore gloves.

At one of the stalls, a worker was seen doing renovations to extend the back of the premises



**METRO HYGIENE
CAMPAIGN**

onto the sidewalk.

Nearby residents are questioning why the stalls are allowed to operate on walkways and road kerbs.

"We should move away from roadside stalls, but they continue to flourish.

"I notice other local councils have taken a firm stand to address this problem, but so far, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) has not taken action," resident A.C. Tan said.

StarMetro reader Prakash Rao said there was no feedback from

MPAJ even after highlighting this problem.

"I have alerted the authorities to check this place for the past several months, but my emails were ignored," he said.


MPAJ did not respond at press time.

StarMetro urges readers to alert us on dirty restaurants and we, on our part, will notify the authorities to act against these irresponsible operators.

Do not forward old pictures and videos of dirty eateries taken several months ago or those involving restaurants in other countries. Send us only recent or fresh incidents of dirty eateries.

In your email, include your name, contact number, the restaurant's name and its full address.

Send to metro@thestar.com.my, and, yes, we keep your information confidential.



Pots and pans were seen left outside the stall premises at a makeshift washing area above the drain.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2018 (RABU)	
Akbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Tandas jadi rumah hantu
Muka Surat	22

UTUSAN MALAYSIA
MUKA 22

RABU • 25.07.2018

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota
 44, Jalan Utusan,
 Melalui Jalan Chan Sow Lin,
 55200, Kuala Lumpur.
 facebook: Utusan Kota
 Twitter: @UtusanKota
 Laman web: www.utusan.com.my

TAMAN PERMAINAN kanak-kanak di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, Selangor. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

KEADAAN tandas awam yang rosak dan terbiar di taman rekreasi Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, Selangor.

TANDAS awam yang terbiar tanpa penyelenggaraan belak sabaja menyakitkan mata tetapi mengundang pembalakan nyamuk.

Rosak angkara vandalisme atau terbiar tanpa penyelenggaraan?

Tandas jadi rumah hantu

Oleh **ROSKHOIRAH YAHYA**
 kota@utusangroup.com.my
 ■ KUALA LUMPUR 24 JULAI

KAMI PANTAU KHIDMAT ANDA

Transit Aliran Ringan (LRT) Bandar Tun Razak untuk melihat kesulitan yang dihadapi orang ramai. Tinjauan di Tasik Cempaka, lokasi yang menjadi tumpuan ribuan pengunjung terutama pada setiap hujung minggu mendapati tandas awam yang terletak bersebelahan lauan Perisian Pusat Bandar 1 sudah bertukar seperti rumah hantu. Dari luar, bangunan yang dahulunya terbina cantik kelihatan cukup usang seperti sudah

bertahun-tahun tidak diselenggara dengan pintu yang sudah terkopak dan tertanggal, lantai yang berselut, himpunan sampah dan bau yang melerokan. Walaupun terdapat satu lagi kemudahan tandas disediakan di sebelah jalan masuk utama, namun kedudukannya terlalu jauh bagi yang bersenam di sebarang tasik. Sehubungan itu orang ramai mahu pihak berkuasa memberi perhatian dan mengambil tindakan terhadap masalah yang dihadapi mereka ketika beriadah di taman berkenaan. Sementara itu, lain pula cerita-nya sebuah tandas berhampiran stesen LRT Bandar Tun Razak yang didakwa telah ditutup sejak lebih tiga tahun lalu. Penutupan tandas tersebut menimbulkan kesulitan kepada orang ramai kerana ia merupakan satu-satunya kemudahan tandas yang terdekat dengan stesen LRT berkenaan. Masalah itu menyebabkan ada segelintir pengguna menjadikan kawasan berhampiran tandas dan kawasan perumahan di situ sebagai tempat untuk 'melepaskan hajat'. Selain itu, perkara tersebut juga menimbulkan rasa tidak puas hati pemandu teksi yang menghabiskan banyak masa di situ untuk menunggu penumpang. Kesulitan itu menyebabkan mereka terpaksa keluar jauh untuk mencari tandas sedangkan kemudahan sudah tersedia tetapi ditutup tanpa sebab yang munasabah. Itu tandas-tandas awam yang tidak diselenggara dengan baik ini sepatutnya diberi perhatian oleh PBT kerana ia melibatkan keselamatan dan keselamatan orang ramai. Sekiranya kerja-kerja penyelenggaraan terlalu rumit dilakukan, pengurusan tandas itu wajar diserahkan kepada pihak ketiga yang boleh menjaga kebersihannya.

LEMBAH KLANG NEGERI SEMBILAN MELAKA

REAKSI

PERLU UBAH MENTALITI

"TANDAS ini sudah terbiar sejak bertahun-tahun lamanya sedangkan ia berada di kawasan tumpuan orang ramai yang datang bersukan dan beriadah bersama keluarga. Saya harap Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan bertindak segera menyelesaikan masalah ini.

SALASIAH AWANG MAJID
 Pengunjung

"SAYA sangat terkejut dan terkilan melihat tahap penyelenggaraan pihak berwajib di taman rekreasi ini. Jika dipantau, tidak mungkin tandas itu dalam keadaan sekarang yang tidak ubah seperti rumah hantu.

SORFINA BATRISYIA ASRI
 Pengunjung

"PENUTUPAN kemudahan awam itu menyukarkan ramai pihak. Oleh itu, saya sangat berharap tandas berdekatan stesen LRT berdekatan Bandar Tun Razak itu kembali dibuka.

IZLINDA ISMAIL



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2018 (RABU)	
Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Permit import sisa plastic dibeku serta-merta
Muka Surat	01-03

Segar • Progresif • Diyakini
AKHBAR PALING PANTAS BERKEMBANG DI MALAYSIA

SUARA KONTEMPORARI

Kosmo!

www.kosmo.com.my

RABU 25 JULAI 2018 RM1 BIL: 280 TAHUN 13 PP13809/08/2012 (030437)

Permit import sisa plastik dibeku serta-merta

Kilang-kilang kitar semula plastik di seluruh negara diberi tempoh tiga bulan untuk mohon semula permit import plastik

KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan menghentikan pengeluaran permit import (AP) sisa plastik kepada 114 syarikat dan kilang di seluruh negara bagi tempoh tiga bulan berkuat kuasa semalam.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, tindakan itu diambil susulan laporan komprehensif *Kosmo!* mengenai pencemaran serius di Kuala Langat, Selangor yang dikatakan berpunca daripada kilang memproses plastik import dari seluruh dunia sejak dua tahun lalu.

Beliau berkata, selaras dengan pembekuan itu, semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara terutama di Selangor diarah membuat pembersihan dengan mengenal pasti hanya kilang yang mendapat kelulusan kementerian dan melaksanakan pengurusan sisa plastik mengikut piawaian alam sekitar antarabangsa dibenarkan beroperasi.

Menurutnya, antara syarat untuk memohon semula AP plastik ialah pemohon perlu mendapat kelulusan pematuhan kilang daripada Jabatan Alam Sekitar, memiliki lesen premis daripada PBT, mendapat syor kelulusan pemeriksaan kilang oleh Perbadanan Pengurusan Sisa

Pepejal dan Pembersihan Awam serta bukti bergambar bahawa sisa plastik yang diimport bersifat seragam.

"Selepas tempoh tiga bulan itu berakhir, PBT akan mengambil tindakan tegas jika mereka meneruskan aktiviti kitar semula plastik tanpa mengikut syarat yang ditetapkan," katanya pada sidang akhbar di lobi Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam.

> BERITA DI MUKA 2, 3, 4 & 6

ANGGOTA pelbagai agensi penguat kuasa menyerang kilang memproses plastik yang beroperasi secara haram di Kuala Langat semalam.

SEBAHAGIAN warga asing yang ditahan pihak berkuasa dalam operasi membanteras kilang plastik haram di Jenjarom.

Selangor diancam pencemaran kilang plastik
KERATAN *Kosmo!* 23 Julai 2018.

Menteri arah henti operasi kilang plastik
KERATAN *Kosmo!* 24 Julai 2018.

Gelombang haba ragut 65 nyawa seminggu di Jepun
»48

Buruh belash sepupu hingga patah tangan kerana curi durian di Kelantan
»10

Oleh LUQMAN RIDHWAN, AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI, MOHD. HAFIZI AHMAD, AZHAR AHMAD, HAIKAL RAMAN, AMEEN AZIZUL AZIZ, AMRUL AKMAL REDZWAN, MANIRAH OTHMAN, NOR IDAYU BOSRO, RASDAN AHMAD, RIDZAUDDIN ROSLAN, AKMAL AZIZ dan AZLAN HADI ABU BAKAR

Kerajaan beri tempoh tiga bulan untuk semua kilang kitar semula mohon AP

Lesen Import sisa plastik dibekuk

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertumbuhan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) membatalkan Lesen Import (AP) sisa plastik yang dikeluarkan kepada 114 syarikat dan kilang di seluruh negara bagi tempoh tiga bulan berkuat kuasa kelmarin.

Menteri berkenaan, Zuraida Kamaruddin berkata, tindakan itu diambil susulan laporan akhbar *Kosmo!* mengenai pencemaran serius yang melanda Kuala Langat, Selangor yang dikatakan berpunca daripada kilang yang memproses sisa plastik import secara haram.

Menurut beliau, berikutan pembatalan dan pembekuan pengeluaran AP baharu dalam tempoh tersebut, semua pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara terutama di Selangor diarah membuat pembersihan dengan mengenal pasti hanya kilang yang mendapat kelulusan KPKT dan melaksanakan pengurusan sisa plastik mengikut piawaian alam sekitar antara bangsa dibenarkan beroperasi.

"Dalam tempoh tiga bulan itu, semua kilang yang dihentikan permit perlu membuat permohonan semula dengan kriteria baharu bagi memastikan tidak ada penyalahgunaan kuasa dan pelanggaran piawaian berlaku," kata beliau pada sidang akhbar di lobi Parlimen semalam.

Katanya, pemohon AP sisa plastik bertarif HS Kod 3915 perlu melepasi kriteria ketat dikenakan Jabatan Pengurusan Sisa Pejal Negara (JPSPN) selain pengimport juga perlu mendapatkan surat kelulusan pematuhan kilang daripada Jabatan Alam Seki-



TIMBUNAN sampah yang diletakkan di sebuah kilang kitar semula di Jalan Klang-Banting di Kuala Langat yang mencetuskan kebimbangan penduduk daerah itu.



SEORANG penduduk di Jerjarom yang terpaksa menggunakan topeng mulut bagi mengatasi masalah pencemaran udara akibat operasi kilang kitar semula yang memproses sisa plastik.

tar (JAS) dan mempunyai lesen premis PBT.

Selain itu, jelas Zuraida, syarat tambahan lain turut memerlukan pengesokan kelulusan pemeriksaan kilang oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan bukti bergambar bahawa sisa yang diimport adalah bersifat homogeneous, bersih dan bukan dalam kategori bahan terbuang berjual.

"Syarat ketat lain bagi kelulusan AP sisa plastik juga memerlukan semua pembekal sisa plastik mempunyai sijil ISO14000 yang mengamalkan sistem pengurusan alam sekitar yang efektif dan bertanggungjawab.

"Sisa plastik yang dibawa masuk juga hendaklah diproses sepenuhnya oleh kilang pengimport (yang memiliki AP) dan wajib me-

PBT diarah tutup kilang kitar semula



KERATAN *Kosmo!* semalam.

matuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti Peraturan (Udara Bersih) 2014 serta mana-mana peraturan ditetapkan PBT," kata beliau.

Selain itu, Zuraida yang merupakan Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat berkata, KPKT melalui JPSPN akan menubuhkan sebuah pasukan petugas yang dipengerusikan Ketua Pengarah JPSPN, Ismail Mokhtar bagi mengkaji semula prosedur dan dasar semasa, pengimportan sisa plastik yang bertarif HS Kod 3915.

Katanya, pasukan tersebut akan dianggotai JAS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) serta SWCorp.

Pada 23 Julai, *Kosmo!* melaporkan daerah Kuala Langat kini dicemari 38 buah kilang kitar semula sisa plastik yang diimport dari serata dunia.

Operasi kitar semula sisa barang plastik didakwa mengancam kesihatan 300,000 penduduk di daerah tersebut.

Aktiviti memproses sisa barang plastik itu dilaporkan kepada pihak berkuasa tetapi tidak menerima sebarang maklum balas.



ZURAIIDA

ADUN dedah masih banyak sampah menunggu dihantar ke Kuala Langat

KUALA LANGAT – Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian mendakwa masih banyak kontena berisi sisa plastik yang diimport dari seluruh dunia berada di Pelabuhan Klang dekat sini bagi menunggu masa untuk dihantar ke kilang-kilang kitar semula di Kuala Langat.

Menurut beliau, bagi memastikan sisa

plastik itu diproses di kilang-kilang yang berlesen, pihak berkuasa akan memastikan kilang-kilang haram yang wujud di Kuala Langat ditutup terlebih dahulu.

"Apabila kilang haram proses sisa plastik ditutup, pengimport sisa plastik tiada pilihan dan akan menghantar sisa plastik itu ke kilang yang berlesen. Masalah ini akan selesai," kata beliau ketika ditemui semasa membuat tinjauan kilang haram di sini semalam.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang itu memberitahu, beliau kesal dengan kerajaan terdahulu yang telah meluluskan banyak Lesen Import (AP) sisa plastik sehingga 'sampah' dari seluruh dunia masuk ke negeri ini.

"Perkara itu mungkin berlaku kerana pihak-pihak terbabit mendapat keuntungan banyak sehingga menghantar sisa plastik ke kilang-kilang haram di negeri ini terutama di Kuala Langat," kata beliau.

INFO Lesen Import (AP) Sisa Plastik

- Jabatan Pengurusan Sisa Pejal Negara (JPSPN) bertanggungjawab mengeluarkan Lesen Import (AP) sisa plastik.
- Perintah Kastam (larangan mengimport) (pindaan) 2015 mensyaratkan sisa plastik dengan tarif HS Kod 3915 yang mau diimport ke Malaysia memerlukan AP.
- Prosedur permohonan AP
 - Perlu mendaftar dengan Bahagian Kelulusan dan Pelesenan JPSPN
 - Mempunyai surat kelulusan pengeksport, Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Bahagian Teknologi Penyelidikan, Sisa Binaan dan Industri JPSPN dan Pembersihan Awam (SWCorp)
 - Permohonan AP secara online boleh dilakukan melalui sistem ePermit di laman web <http://epermit.dagangnet.com/JPSPN>
- Kilang yang menghasilkan sisa plastik (pengeksport/pembekal) perlu mendapat sijil pengiktirafan ISO14000 atau setaraf
- Pematuhan operasi kilang perlu diurus kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS)

	25 JULAI 2018				
	SABAH	SARAWAK	JHARU	SELANGOR	PUTRAJAYA
K. LUMPUR	5:55	7:11	1:23	4:46	7:31
SHAH ALAM	5:55	7:11	1:23	4:46	7:31
SEREMBAN	5:51	7:12	1:21	4:44	7:27
MELAKA	5:50	7:11	1:20	4:43	7:26
JOHOR BAHRU	5:45	7:06	1:14	4:37	7:19
IPOH	5:52	7:10	1:25	4:48	7:34
P. PINANG	5:53	7:12	1:27	4:50	7:38
ALOR SETAR	5:51	7:11	1:27	4:50	7:39
K. TERENGGANU	5:41	7:03	1:16	4:39	7:26
KOTA BHARU	5:48	7:06	1:20	4:42	7:31
KUANTAN	5:45	7:05	1:17	4:40	7:24
KANGAR	5:51	7:13	1:28	4:50	7:39
TAWAU	4:45	6:06	12:18	3:41	6:27
KOTA KINABALU	4:49	6:11	12:24	3:47	6:35
KUOHING	5:20	6:41	12:49	4:12	6:54
MIRI	5:01	6:22	12:33	3:56	6:41

*Kawasan Keselamatan sewaktu dengarnya



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa sebuah kilang memproses sisa plastik dalam operasi bersepadu di Jenjarom, Kuala Langat semalam.



SEBAHAGIAN daripada pekerja warga asing yang ditahan dalam operasi di kilang kitar semula di Jenjarom, Kuala Langat.

Kerajaan Selangor akan ambil tindakan ke atas 29 lagi premis kitar semula sisa plastik 6 kilang Kuala Langat ditutup

KUALA LANGAT - Kerajaan Selangor semalam menutup enam daripada 35 buah kilang kitar semula haram yang beroperasi di daerah ini kerana mengancam kesihatan 300,000 penduduk di sini ekoran terpacu menghidu asap daripada aktiviti memproses sisa plastik yang diimport dari serata dunia.

Pengerusi Jawatan Kuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han (**gambar kecil**) berkata, enam buah kilang yang semuanya terletak di Jenjarom ditutup dalam operasi bermula pada pukul 10 pagi hingga pukul 5 petang melibatkan 100 anggota penguat kuasa (PBT) daripada pelbagai agensi.

"Mengikut maklumat rasmi kerajaan negeri, Kuala Langat mempunyai 35 buah kilang kitar semula sisa plastik namun hanya tiga daripadanya mempunyai lesen bagi operasi tersebut," kata beliau selepas operasi

di enam buah kilang itu.

Menurut beliau, selepas operasi semalam, pihaknya dan PBT agensi lain yang terlibat akan mengadakan mesyuarat dalam masa terdekat bagi merancang operasi dan seterusnya sekali gus menutup semua kilang haram di daerah tersebut.

Antara PBT yang terlibat dalam operasi itu ialah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Jabatan Imigresen, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Mengulas lanjut, Sze Han memberitahu, kerajaan negeri memandang serius mengenai isu pencemaran alam sekitar kerana memproses sisa plastik boleh mengundang bahaya kesihatan kepada penduduk yang mendiami di kawasan berdekatan kilang-kilang itu.

"Dalam masa sama, kerajaan negeri melalui agensi-agensinya akan mengemaskini data untuk mengenal pasti kilang-kilang haram di Selangor Kita



(gambar kecil)



ANGGOTA penguat kuasa terpaksa menggunakan tukul besi memecahkan pintu zink selepas pemilik kilang kitar semula di Jenjarom, Kuala Langat enggan membuka pintu.

juga akan memantau operasi kilang berlesen bagi memastikan mereka beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP)," jelasnya.

Katanya, pemilik tanah juga diberi amaran agar tidak menyewakan tanah kepada pengusaha yang menjalankan kegiatan

haram tersebut kerana pemilik tanah yang berbuat demikian juga boleh dikenakan tindakan.

Sze Han berkata, dalam operasi selama tujuh jam tersebut pihak penguat kuasa menahan 16 pekerja warga asing yang bekerja di enam buah kilang itu selain merampas komputer, televisyen,

pam air dan penjana elektrik.

Kosmo! pada Isnin lalu melaporkan kesihatan kira-kira 300,000 penduduk Kuala Langat terancam apabila daerah itu mempunyai lebih 30 buah kilang kitar semula sisa plastik yang beroperasi sejak dua tahun lalu akibat pelepasan asap daripada aktiviti memproses sisa plastik.

Terdahulu, tinjauan Kosmo! di sebuah kilang kitar semula yang disebu mendapati para pekerja premis tersebut cuba menghalang pihak berkuasa masuk ke dalam kilang dengan meletakkan forklift di belakang pintu kilang.

Berikutan itu, pihak berkuasa terpaksa mengambil masa kira-kira 15 minit mengumpul pagar zink sebelum berjaya memasuki kilang itu. Pemeriksaan di dalam kilang tersebut mendapati ketika itu ia tidak beroperasi dan tiada pekerja di dalam premis.

Pihak berkuasa mengesyaki semua pekerja di kilang itu sudah melarikan diri selepas mereka mendapat maklumat pihak berkuasa menuju ke kilang tersebut.

ADUN dakwa sindiket kilang kitar semula tawar habuan

KUALA LANGAT - Gara-gara kepanasan dengan pendedahan Kosmo! berhubung pencemaran yang dihasilkan dari kilang kitar semula sisa plastik di sini, seorang Exco Kerajaan Negeri Selangor mendakwa beliau ditawarkan habuan oleh dalang sindiket tersebut bagi memastikan aktiviti haram itu tidak diganggu oleh pihak berkuasa.



(gambar)

Pengerusi Jawatan Kuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian (**gambar**) berkata, seramai sembilan individu datang ke pejabatnya kelmarin dan mereka menawarkan sejumlah habuan bagi melindungi aktiviti kilang-kilang itu.

Menurut Loy Sian yang juga Ahli Dewan Undangan (ADUN) Kajang, sembilan individu tersebut melibatkan warga tempatan dan tauke dari negara China berjanji mahu menawarkan sejumlah habuan tetapi mereka tidak memperincikan jumlah atau jenis habuan tersebut.

"Saya menolak tawaran itu sebaliknya memaklumkan operasi kilang kitar semula plastik harus dilakukan ikut peraturan termasuk

mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan," kata beliau ketika ditemui selepas menyertai operasi menutup kilang haram di sini semalam.

Katanya, beliau tidak bercajand untuk melaporkan perkara tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas memberi amaran kepada kumpulan tersebut supaya tidak mengulangi per-

buatan mereka yang cuba merasuah.

"Saya tidak mempunyai butiran terperinci mengenai kumpulan tersebut tetapi dalam kalangan mereka dipercayai ada yang menjadi dalang, orang tengah, pihak ketiga dan tauke kilang haram kitar semula. Bagaimanapun, jika selepas ini saya fikir perlu dibuat laporan kepada SPRM, saya akan buat," jelasnya.